

MEMORANDUM PELAKSANAAN
MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) BAGI SKOP PENGURUSAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PRA SISWAZAH DAN PASCASISWAZAH), PENYELIDIKAN, PENERBITAN, KHIDMAT MASYARAKAT, PENGANTARABANGSAAN DAN SEMUA PENGURUSAN PERKHIDMATAN SOKONGAN BIL 1/2019

Bil	Perkara	Tindakan	Status
1.	<p>MINIT 1/1/2019. ALUAN PENERUSI.</p> <p>Pengerusi memulakan mesyuarat dengan;</p> <p>a) mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan UMS terutama kepada jabatan yang terlibat secara langsung terutama kepada Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ) kerana UMS telah berjaya mendapat pensijilan semula MS ISO 9001:2015 bagi skop sedia ada.</p> <p>b) memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa pada tahun ini skop MS ISO akan diperluaskan mengikut fungsi utama Universiti iaitu skop Pengurusan Pengajaran & Pembelajaran (pra siswazah dan pascasiswazah), Penyelidikan, Penerbitan, khidmat masyarakat, pengantarabangsaan dan Semua Pengurusan Perkhidmatan Sokongan.</p> <p>c) memaklumkan dengan penambahbaikan ini maka akan mencakupi keseluruhan fungsi dan aktiviti di UMS sekaligus memastikan Sistem Pengurusan Kualiti lebih komprehensif dan dapat dilaksanakan seiring dengan hala tuju UMS yang dinyatakan dalam Pelan Strategik universiti.</p> <p>d) memaklumkan agar semua kakitangan UMS tidak kira kakitangan akademik atau pentadbiran dapat bekerjasama untuk meningkatkan nama UMS ke tahap yang lebih tinggi.</p> <p>e) memaklumkan pelaksanaan <i>lean and mean</i> akan dilaksanakan bagi peringkat-peringkat tertentu terutama dari segi kontrak M & E, kontrak-kontrak dalaman dan proses perolehan.</p>		

	<p>f) memaklumkan pihak Lembaga Pengarah Universiti mengambil perhatian mengenai isu keadaan ketidakseimbangan nisbah kakitangan akademik dan pentadbiran dimana nisbah kakitangan akademik masih kurang berbanding kakitangan pentadbiran, Walau bagaimanapun, dengan perkembangan terkini dimana UMS akan mempunyai Hospital Pengajar, <i>Teaching Resort</i>, galeri dan hatceri maka proses untuk <i>retrain</i> dan <i>redistribute</i> kakitangan adalah penting untuk dilaksanakan.</p> <p>g) memaklumkan kementerian telah menekankan agar setiap universiti perlu menjadi lebih efisien dan berfungsi sebaik yang mungkin. Justeru itu, pihak Jabatan Pendaftar dan Pejabat Penasihat Undang-Undang akan mengambil tindakan tegas kepada kakitangan yang tidak mematuhi peraturan agar perkara ini menjadi pengajaran kepada kakitangan yang lain. Kakitangan yang tidak fokus dan bermasalah perlu diberikan tindakan yang sepatutnya. Maka,</p> <p>h) memaklumkan agar setiap Ketua Jabatan perlu mengambil perhatian dan membuat laporan kepada pengurusan sekiranya terdapat kakitangan yang tidak fokus dan bermasalah dalam pekerjaan. Markah penilaian bagi setiap kakitangan perlu dibuat dengan lebih tepat berdasarkan prestasi kakitangan sebenar.</p> <p>i) menyarankan agar Pelan Strategik UMS 2018-2022 yang telah diedarkan kepada semua JFPIB bukan sahaja dijadikan sebagai pameran. Key Performance Index (KPI) tersebut perlu difahami dan didalami sehingga peringkat kakitangan pelaksana. Sehubungan itu, Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ) perlu mengambil perhatian untuk melihat sejauh mana perkara ini difahami dan dilaksanakan sehingga ke peringkat kakitangan pelaksana.</p>	<p>Urus setia</p>	<p>Aktiviti audit dalam MS ISO 9001:2015 akan melihat pelaksanaan dan pencapaian Pelan Strategik UMS kerana beberapa KPI dalam Pelan Strategik UMS telah dijadikan objektif kualiti MS ISO 9001:2015</p>
--	---	--------------------------	--

	<p>b) agar pihak PPSKK memuat naik dokumen Pelan Strategik UMS 2018-2022 ke laman web UMS agar maklumat tersebut mudah diakses oleh kakitangan UMS.</p> <p>c) agar dokumen Sistem Pengurusan Kualiti dimuat naik ke dalam <i>Staff Portal</i>/UMS agar lebih mudah diakses oleh kakitangan UMS.</p>	<p>PPSKK</p> <p>Urus setia</p>	<p>laporan adalah seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) 100% warga UMS tahun Visi, Misi dan objektif UMS b) 94% warga UMS tahun hala tuju UMS c) Purata 85.2% wargu UMS faham isi kandungan dalam Pelan Strategiik UMS 2018-2022 d) 88.9% warga UMS sedar Pelan Strategik UMS berkait secara langsung dengan tugas harian; e) 100% Ketua Jabatan sedar tanggungjawab untuk memastikan visi, misi, objektif dan hala tuju UMS dalam Pelan Strategik UMS dapat dicapai. <p>Dokumen Pelan Strategik UMS 2018-2022 dan Pelan Tindakan Strategik 2019 telah dimuatnaik pada 26 April 2019, dan boleh dibuat melalui pautan berikut: http://www.ums.edu.my/v5/en/ums-strategic-plan</p> <p>Buat masa ini, dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 hanya boleh diakses melalui Sistem Hr Online bagi membolehkan kakitangan mengakses dokumen tersebut. Dokumen akan dipindah sekiranya</p>
--	---	--	---

			laman web Staf Portal telah digunakan sepenuhnya.
4.	<p>3.2 Minit 5/1/2018. Laporan Status Pelaksanaan Jaminan Kualiti Akademik bagi Program Pengajian Prasiswazah sepenuh masa di UMS.</p> <p>Bersetuju;</p> <p>a) agar tempoh jam kredit pengajaran perlu diselaraskan semula dengan mengambil kira penandaarasan dan amalan baik yang dilaksanakan di universiti awam yang lain. Kertas cadangan perlu disediakan dan dibawa ke mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti untuk mendapatkan kelulusan pelaksanaan.</p>	PKPKA	Pihak PKPKA telah menganjurkan Bengkel Beban Tugas Pengajaran (BTA) dan Full Time Student Equivalent (FTSE) pada 17 Mei 2019 lalu. Kertas cadangan telah disediakan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat PBPU pada September 2019.
5.	<p>3.3 MINIT 7/2/2018. KERTAS DASAR 4 : LAPORAN ANALISIS OBJEKTIF KUALITI.</p> <p>Bersetuju;</p> <p>a) agar pihak PKPKA membuat semakan sekiranya latihan industri selama enam (6) bulan dapat dilaksanakan di UMS.</p>	PKPKA	Surat Pekeliling dari KPT berhubung perkara ini memaklumkan bahawa pelaksanaan latihan industri selama enam (6) bulan adalah digalakkan. Oleh itu, pihak PKPKA menyerahkan kepada fakulti untuk pelaksanaan dan dimasukkan dalam semakan kurikulum peringkat fakulti masing-masing.
6.	<p>3.4 MINIT 10/2/2018. KERTAS DASAR 7: LAPORAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN UMS BAGI TEMPOH JANUARI- JUN 2018.</p> <p>Bersetuju;</p> <p>a) agar hebahan secara dalaman dan luaran perlu dilaksanakan untuk</p>		Penggunaan WhatsApp business ums ditangguh atas sebab mengkaji semula prosedur dan implikasi yang melibatkan maklumat Dan informasi yang diberikan kepada pelanggan

	<p>memaklumkan berkenaan dengan penggunaan <i>Whatsapp Business</i> tersebut agar pelanggan dapat mengambil maklum dan memudahkan pelanggan berurusan dengan pihak UMS.</p> <p>b) agar audit secara berkala dilaksanakan untuk menyemak samaada kakitangan masih tidak menjawab panggilan telefon tersebut.</p>	<p>BPG, Jabatan Pendaftar</p>	<p>yang mana ianya boleh Berlaku perkara disalah tafsir. Keperluan untuk menetapkan Tanggungjawab Pegawai Dan kakitangan yang mempunyai Kemahiran dalam menjawab persoalan pelanggan yang melibatkan isu isu tertentu.</p> <p>Pemantauan telah dilakukan secara rawak bermula 18 September – 16 Oktober 2019.</p>
7.	<p>MINIT 4/1/2019. KERTAS DASAR 1 : PERUBAHAN KAWALAN ISU-ISU LUARAN DAN DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI.</p> <p>Mesyuarat bersetuju;</p> <p>a) penilaian pelaksanaan kawalan isu-isu luaran dan dalam akan dilaksanakan semasa aktiviti audit dalam UMS yang akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2019. Namun, setiap KRA dimohon agar dapat membuat semakan secara berkala dan sebarang perubahan perlu dimaklumkan kepada pihak Urus setia.</p>	<p>Semua Peneraju KRA</p>	<p>Kawalan isu dalaman dan luaran akan dibincangkan oleh setiap KRA semasa penyediaan KPI bagi Pelan Strategik UMS yang baharu menggunakan analisis SWOT.</p>
8.	<p>MINIT 6/1/2019. KERTAS DASAR 3: LAPORAN MAKLUMBALAS PELANGGAN TAHUN 2018 DAN SUKUAN PERTAMA 2019.</p> <p>Mesyuarat bersetuju;</p> <p>i) agar tempoh maklumbalas dikekalkan mengikut amalan sedia ada walaupun majoriti maklumbalas pelanggan dapat diselesaikan dalam tempoh empat (4) hari.</p>	<p>Urus setia</p>	<p>Tempoh maklumbalas pelanggan dikekalkan dan dpantau seperti biasa melalui Sistem E-Respon</p>

<p>9.</p>	<p>MINIT 7/1/2019. KERTAS DASAR 4 : LAPORAN KEPUASAN PELANGGAN UMS TAHUN 2018.</p> <p>Mesyuarat bersetuju;</p> <p>b) iniatif yang dilakukan oleh pihak BPQ bagi mengatasi kekurangan responden tahun 2019 bagi kajian kepuasan pelanggan seperti berikut;</p> <p>i. Meletakkan kod QR di semua kaunter JFPIB bagi suku tahun berikutnya berbanding hanya di Jabatan Bendahari, Jabatan Hal Ehwal pelajar disamping hebahan melalui email dan media social.</p> <p>ii. melaksanakan kempen atau poster untuk menarik lebih ramai responden mengisi kajian soal selidik tersebut.</p>	<p>Urus setia</p>	<p>BPQ telah melaksanakan penambahbaikan seperti berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kod QR Kajian kepuasan Pelanggan telah diletakkan di semua JFPIB. 2. KPI untuk mencapai 65 peratus Indeks Kepuasan Pelanggan telah diagihkan kepada JFPIB agar JFPIB menjadikan KPI tersebut sebagai KPI yang diukur di JFPIB. 3. Kempen atau poster telah disediakan untuk mendapatkan lebih ramai responden mengisi Kajian Kepuasan Pelanggan tersebut, kod QR diedarkan melalui 'group whatsapp' Pegawai, wakil BPQ di JFPIB, semasa Kreanova dan Seminar Kreanova.
<p>10.</p>	<p>MINIT 8/1/2019. KERTAS DASAR 5 : LAPORAN PENILAIAN KURSUS PK07.</p> <p>Mesyuarat bersetuju;</p> <p>f) setiap fakulti yang berkenaan untuk menyemak semula kursus-kursus yang mendapat skor markah terendah dan mengambil tindakan pembetulan dengan segera.</p>	<p>FKJ, FPL dan FPSK</p>	<p>FPSK: Pihak fakulti telah mengambil tindakan pembetulan bagi mengatasi aduan yang diterima daripada pelajar. Tindakan yang telah di ambil adalah seperti yang dinyatakan dalam lampiran yang disertakan.</p> <p>FKJ: Pihak fakulti telah meminta ulasan kepada pensyarah kursus yang mendapat skor markah</p>

	<p>g) penilaian pensyarah luar/pensyarah undangan boleh menggunakan elemen dalam PK07 sebagai asas kenapa pensyarah berkenaan dijempit semula oleh Fakulti/Pusat, PKPKA boleh mewar-warkan perkara tersebut kepada pihak Fakulti/Pusat berkaitan.</p>	<p>PKPKA</p>	<p>terendah dan telah mengambil tindakan pembetulan dengan segera.</p> <p>FPL: Tiada pensyarah FPL mendapat markah penilaian rendah bawah 3.5</p> <p>Bengkel semakan Borang Penilaian Kursus (PK07) telah dilaksanakan pada 11 Disember 2018. Pensyarah luar / pensyarah undangan boleh dinilai melalui melalui UMS/PK/07 berkuatkuasa pada semester 1, Sesi 2018/2019.</p>
<p>11.</p>	<p>MINIT 9/1/2019. KERTAS DASAR 6 : LAPORAN STATUS PELAKSANAAN JAMINAN KUALITI PROGRAM AKADEMIK.</p> <p>Mesyuarat bersetuju;</p> <p>m) pihak PKPKA mengambil tindakan segera berhubung Laporan Oral Audit Verifikasi Pematuhan MQF Fasa 3 yang kurang memberangsangkan dan memantau tindakan yang perlu diambil ke atas dapatan audit tersebut serta memastikan semua fakulti melaksanakan semakan program mengikut masa yang ditetapkan.</p> <p>n) hasil resolusi bengkel semakan kurikulum akan dibentangkan dan dibincangkan semasa bengkel yang akan diadakan dalam masa terdekat bagi tujuan pelaksanaan kurikulum terbaharu tersebut untuk ditawarkan kepada pelajar.</p>	<p>PKPKA</p>	<p>PKPKA telah mempergiatkan aktiviti kesedaran bagi Pematuhan MQF seperti Bengkel Penulisan CLO, Bengkel Outcome Based Education (OBE) dan semakan Fail Kursus peringkat Fakulti sepanjang bulan Mac hingga Ogos 2019.</p> <p>Bengkel Semakan semula kurikulum telah dilaksanakan pada 14 dan 15 Februari 2019. Tarikh akhir mengemukakan dokumen Semakan Kurikulum kepada pihak PKPKA ialah pada 6 September 2019.</p>

<p>12.</p>	<p>MINIT 10/1/2019. KERTAS DASAR 7 : LAPORAN PELAN RISIKO DAN PELUANG</p> <p>Mesyuarat bersetuju;</p> <p>o) agar satu perbincangan bersama dengan jabatan yang berkenaan perlu dilaksanakan untuk membincangkan terma rujukan bagi setiap jawatankuasa tersebut dan perlu dibentangkan ke Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti untuk kelulusan.</p>	<p>Urus setia</p>	<p>Penubuhan Jawatankuasa Induk Pengurusan Risiko UMS telah diluluskan oleh PBPU Bil 3/2019 (Siri 1) Kali ke-228 yang bersidang pada 8 Mei 2019. Mesyuarat Induk Pengurusan Risiko Bil 1/2019 telah diadakan pada 8 Oktober 2019 dan semua terma rujukan bagi setiap jawatankuasa telah dibentangkan dan dipersetujui semasa mesyuarat tersebut.</p>
<p>13.</p>	<p>MINIT 11/1/2019. KERTAS DASAR 8 : LAPORAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MESYUARAT MENGAMBIL MAKLUM</p> <p>Mesyuarat bersetuju;</p> <p>e) perubahan Dasar Kualiti dan dokumen prosedur yang telah dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal MS ISO 9001:2015. Perubahan tersebut perlu dihebahkan kepada semua kakitangan UMS untuk memastikan setiap kakitangan mengambil maklum mengenai perubahan tersebut.</p> <p>f) cadangan untuk menggantikan objektif kualiti dengan Key Performance Indicator' KPI UMS dan JFPIB. Namun, perbincangan lebih lanjut perlu dibuat bersama dengan pihak PPSKK dan PKPKA agar perancangan yang lebih terperinci dan teratur bagi perubahan tersebut dapat dilaksanakan pada tahun 2019.</p>	<p>Urus setia</p>	<p>Dasar Kualiti telah diedarkan kepada semua JFPIB pada 15 Mei 2019.</p> <p>Beberapa KPI yang dinyatakan dalam Pelan Strategik UMS 2018-2022 telah dipilih untuk dijadikan objektif kualiti UMS hasil perbincangan dengan Pengarah PPSKK pada 5 September</p>

	<p>g) pihak Urus setia melaksanakan hebahan untuk menerangkan dengan lebih lanjut mengenai cadangan untuk menggantikan objektif kualiti dengan Key Performance Indicator' KPI UMS dan JFPIB. Pihak Urus setia perlu menyediakan satu kaedah untuk mengukur 'Key Performance Index' (KPI) yang akan digunapakai oleh setiap JFPIB.</p>		<p>2019 dan objektif kualiti UMS yang terkini telah diluluskan dalam MKSP Khas yang diadakan pada 8 Oktober 2019. Poster Objektif Kualiti tersebut telah diedarkan kepada semua JFPIB pada 21 Oktober 2019.</p>
<p>14.</p>	<p>MINIT 14/1/2019 : HAL-HAL LAIN</p> <p>"STAR RATING" TADBIR URUS TERBAIK JFPIB</p> <p>Mesyuarat bersetuju;</p> <p>a) laporan penuh penarafan bintang bagi pelaksanaan tadbir urus baik setiap JFPIB akan dibawah ke Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti untuk kelulusan pelaksanaan.</p> <p>b) agar penarafan bintang bagi pelaksanaan tadbir urus baik tersebut dilaksanakan untuk memastikan setiap JFPIB sentiasa berusaha untuk meningkatkan sistem perkhidmatan di setiap JFPIB.</p>	<p>Urus setia</p>	<p>Laporan penarafan bintang bagi pelaksanaan tadbir urus baik setiap JFPIB telah diluluskan oleh PBPU Bil 3/2019 (Siri 1) Kali ke-228 yang bersidang pada 8 Mei 2019. Penyerahan sijil penarafan bintang bagi JFPIB yang mendapat 5 bintang dan 4 bintang dalam penilaian Anugerah Pengurusan Organisasi telah diadakan pada 19 Julai 2019. Penyerahan sijil rating tadbir urus baik secara keseluruhan kepada semua JFPIB telah diadakan bermula 29 Oktober 2019.</p>